



SIARAN MEDIA

Program JPA4U @ IKWAS Merakyatkan Perkhidmatan Awam

Kluang, 17 Mac 2014 – Selari dengan hasrat Kerajaan untuk merakyatkan perkhidmatan awam, Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN), Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) menganjurkan program JPA4U @ IKWAS. Majlis tersebut dirasmikan oleh YBhg. Dato' Sri Zainal Rahim Seman, Timbalan Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) bertempat di INTAN Kampus Wilayah Selatan (IKWAS). Turut hadir dalam majlis tersebut YBhg. Dato' Dr. Mazlan Yusoff, Pengarah INTAN.

Program selama dua hari ini yang bermula dari 17 hingga 18 Mac 2014, bersempena dengan penganjuran Wacana Transformasi Kepimpinan Muda dengan tema Merapatkan Jurang Generasi Dalam Komuniti yang akan berlangsung pada 18 Mac 2014. Program ini merupakan satu inisiatif untuk mendekati rakyat melalui penganjuran pelbagai aktiviti mesra rakyat seperti Klinik Sukan Bola Sepak bagi golongan belia, pameran pelbagai agensi awam dan swasta untuk khalayak serta aktiviti penghijauan IKWAS dengan program penanaman pokok buah-buahan di sekitar kampus.

Wacana Transformasi Kepimpinan Muda: Merapatkan Jurang Generasi Dalam Komuniti bakal disertai oleh wakil-wakil agensi awam dan swasta, NGO dan khalayak dengan menasasarkan kapasiti 500 orang peserta.

INTAN yang cukup sinonim sebagai institut latihan penjawat awam, mengambil inisiatif ini untuk menyemarakkan usaha ke arah merakyatkan perkhidmatan awam selaras dengan hasrat YBhg. Tan Sri Dr. Ali Hamsa, Ketua Setiausaha Negara bagi merapatkan jurang antara kerajaan dan rakyat. Sebagai salah sebuah institut latihan awam yang terlibat dalam 1MTC, INTAN Kampus Wilayah Selatan membuka ruang dan peluang kepada umum untuk mendapat manfaat dengan penggunaan fasiliti yang ada di dalam kampus. Projek 1MTC adalah inisiatif bitara daripada kerajaan untuk rakyat dalam usaha meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan awam.

JPA4U@IKWAS juga dijangka dengan Teras Strategik Keempat dalam Kerangka Transformasi Perkhidmatan Awam yang diperkenalkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam, iaitu Merangkum dan Sepunya: Memperluas Jaringan Kerja dan Kolaborasi Strategik Dalam dan Luar Negara.

Program JPA4U@IKWAS yang julung kali diadakan ini melibatkan penyertaan daripada pelbagai agensi kerajaan, badan berkanun, NGO, pihak swasta dan masyarakat setempat. Aktiviti Klinik Bola Sepak adalah salah satu kolaborasi strategik yang dijalankan bersama Kementerian Belia dan Sukan, manakala pameran perkhidmatan pula melibatkan Jabatan Perkhidmatan Awam, INTAN, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN), Kolej Komuniti, 1M4U dan sebagainya. Kaunter Bergerak Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) dan Jabatan

Pendaftaran Negara (JPN) juga turut disediakan. Aktiviti selama dua hari ini dijangka akan menjadi tarikan kepada khalayak setempat untuk mendapatkan maklumat dan perkhidmatan yang ditawarkan.

Tidak ketinggalan, aktiviti kerohanian Malam KepadaMu Ku Berserah akan turut diadakan di Surau An Nur bertujuan untuk mendoakan misi pencarian MH370 berjalan dengan lancar agar semua penumpang dan krew penerbangan ditemui dengan selamat.

Disediakan oleh:

Unit Korporat dan Antarabangsa
Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN)
Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Tel: 03 2084 7205

17 Mac 2014